

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]**

SOALAN

PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG [KOTA SAMARAHAN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:

- a) tahap motivasi, kesiapsiagaan pasukan kesihatan dan jaminan risiko jangkitan terhadap mereka; dan
- b) perancangan Kementerian menyediakan kemudahan kit bagi membolehkan orang ramai memeriksa sendiri ujian COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Petugas kesihatan sentiasa diberi latihan melalui kursus, latihan, latih-amal, simulasi dan sebagainya bagi menyediakan mereka dari segi mental dan fizikal serta memantapkan tindakan menghadapi sebarang bencana dan wabak. Aktiviti yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan ini dilakukan secara berkala setiap tahun di pelbagai peringkat. Terdapat sebanyak 90 latihan simulasi pandemik pada 2018, dan sebanyak 74 latihan pada 2019 telah diadakan di seluruh negara.

2. Di samping itu, Kementerian Kesihatan juga telah mewujudkan program khusus Perkhidmatan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial atau MHPSS (*Mental Health Psychosocial Support Services*) bagi memberi perkhidmatan sokongan emosi kepada petugas kesihatan dan petugas barisan hadapan yang lain selain masyarakat umum yang terkesan dengan situasi krisis, bencana dan juga wabak.

3. Mereka juga boleh mendapatkan bantuan sokongan psikososial melalui talian MHPSS sepanjang perkhidmatan mereka. Tujuan saringan sendiri kesihatan mental yang dilaksanakan adalah bagi mengenalpasti tanda-tanda awal risiko tekanan emosi. Bagi mereka yang dikesan mengalami masalah kesihatan mental akan dirujuk kepada Pakar atau pegawai psikologi bagi rawatan dan intervensi. Selain itu, bahan-bahan psikopendidikan disediakan dan boleh dicapai secara dalam talian menggunakan QR *code* dan aplikasi media sosial seperti *Whatsapp* dan *Telegram*.

4. Pasukan-pasukan petugas barisan hadapan yang menjalankan misi bantuan juga dilaksanakan sesi taklimat *pre and post-depoyment*. Ini bagi memastikan petugas barisan hadapan membuat persediaan optimum dari segi kesihatan fizikal dan kesihatan mental. Taklimat ini memberi penekanan terhadap pematuhan SOP setiap masa bagi mencegah jangkitan semasa bekerja dan di luar waktu bertugas. Sejak Mac 2020, sebanyak 27 sesi taklimat telah diadakan sehingga hari ini.

5. Selain memantapkan emosi dan pematuhan SOP, pasukan petugas Kesihatan juga diberi latihan dan demonstrasi pemakaian PPE bagi meminimakan risiko jangkitan semasa bertugas. Mereka perlu mengamalkan langkah-langkah pencegahan seperti penggunaan PPE dengan betul, membudayakan norma baharu dan pematuhan SOP sepanjang masa. Selain itu, pemantapan mengenai pengurusan dan rawatan pesakit COVID-19 yang mengambil kira aspek kawalan infeksi, rawatan dan lain-lain sentiasa diambil berat di fasiliti-fasiliti kesihatan.

6. Pemeriksaan sendiri ujian COVID-19 tidak boleh dijalankan oleh orang ramai, kerana ujian untuk mengesan virus COVID-19 perlu mencapai 100% sensitiviti dan spesifisiti dan hanya boleh dilakukan dengan cara *real-time* menggunakan kaedah ujian RT-PCR. Kaedah ini memerlukan kemudahan makmal, peralatan, reagen dan kit ujian yang spesifik. Tambahan pula, pemprosesan sampel dan interpretasi keputusan ujian tersebut hanya boleh dilakukan oleh staf makmal yang terlatih dan kompeten. Hanya keputusan tepat yang diperolehi boleh dihantar ke CPRC, KKM bagi tindakan kawalan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.